

**UCAPAN PERASMIAN**

**YB. DATO' SRI HJ FADILLAH HJ YUSOF**

**MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA MAJLIS MENANDATANGANI MOA CREAM-LLM**

**11 DISEMBER 2017, HOTEL IMPERIAL KUCHING SARAWAK**

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah KurniaNYA kita dapat bersama-sama hadir pada petang ini di majlis yang penuh makna iaitu Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) di antara CREAM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian CREAM dan CIDB menjemput saya untuk menyaksikan majlis ini. Walaupun jadual saya agak padat, saya cuba memenuhi jemputan CREAM dan LLM yang saya merasakan ianya memberi manfaat kepada industri pembinaan dalam penyelidikan.

Y.Bhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

2. Majlis ini diadakan setelah setahun Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Tanah Gambut (COPS) dilancarkan oleh saya sendiri di Kuching, Sarawak. Penubuhan COPS bertujuan membantu kerajaan dan pihak berkuasa di dalam menangani masalah tanah gambut yang agak serius terutama di Sarawak dan beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia.
  
3. Pada hari ini, satu lagi kerjasama dalam projek penyelidikan tanah gambut akan dijalankan oleh COPS. Pada kali ini, geran penyelidikan akan diberikan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) kepada COPS melalui CREAM yang akan menjadi pengurus projek ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak pengurusan LLM yang memberi kepercayaan kepada COPS dan CREAM untuk menjalankan kajian bersama dengan agensi kerajaan yang lain. Projek penyelidikan ini akan melibatkan *cross agencies* dimana banyak pihak akan menggembleng tenaga dan kepakaran dalam menjayakan penyelidikan ini. Pasukan teknikal ini terdiri daripada wakil CIDB, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS),

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

4. Ini merupakan satu manifestasi penyelidikan dimana pelbagai agensi duduk dalam satu platform dengan kepakaran masing-masing mencari formula terbaik pelaksanaan pembinaan jalan dan lebuh raya atas tanah gambut. Projek bertajuk *Development of Foam Concrete (FC) and Eco Raft Pile (ERP) Road Construction on Peat Soils* akan mengambil masa dua tahun amat relevan dengan pembinaan jalan dan lebuh raya di Malaysia. Pihak LLM melihat tentang keperluan untuk mencari satu kaedah terbaik dengan kos yang dijangka menjimatkan dan dapat disiapkan dengan cepat.
  
5. Saya difahamkan, Sarawak dipilih sebagai tempat kajian (case study) untuk pembinaan trial embankment yang akan dibuat tidak lama lagi. Kajian ini akan melibatkan tiga segmen kajian iaitu, foam concrete dibangunkan oleh UNIMAS, Eco-Raft Pile (ERP) dibangunkan oleh JPS dan aspek teknikal oleh JKR. Output kepada penyelidikan ini akan menyediakan satu piawaian standard antarabangsa yang akan diiktiraf di peringkat dunia menggunakan teknik terbaik dalam mengatasi masalah tanah gambut secara ekonomikal, jimat masa dan efisien.

Y.Bhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

6. Saya berharap kajian ini akan dapat digunakan sepenuhnya oleh LLM dan juga pihak industri pembinaan dan menjadikan Malaysia sebagai contoh terbaik kepada dunia penggunaan alternatif pembinaan projek di atas tanah gambut terutama pada jalan raya dan lebuhraya. Saya sering memaklumkan tentang masalah yang dihadapi oleh kontraktor dan pemaju tempatan mengenai permasalahan di kawasan yang mempunyai tanah gambut yang agak serius seperti di Sibu. Sering kali kontraktor mengeluh dengan kesukaran yang dihadapi disebabkan tiada panduan asas pembinaan kawasan tersebut.
  
7. Pada tahun 2014, satu penyelidikan dibuat oleh CREAM bersama ahli jawatankuasa teknikal daripada pakar geoteknikal yang telah menyahut seruan itu dengan membangunkan garis panduan pembinaan di atas tanah gambut yang pertama di Malaysia. Garis panduan ini telah pun siap dan dilancarkan dan saya dimaklumkan para pemaju, kontraktor dan agensi kerajaan sebahagiannya menjadikannya sebagai panduan dan rujukan. Ini satu pencapaian pada peringkat permulaan yang telah dipelopori oleh CREAM

bersama COPS. Tahniah saya ucapkan kepada CREAM dan COPS. Saya difahamkan bagi menambah baik kepada garis panduan ini, COPS akan membuat semakan semula dan menambah nilai (*value add*) kepada garis panduan supaya dapat diaplikasi secara menyeluruh oleh industri pembinaan. Saya mencadangkan supaya COPS dapat melihat kepada aspek kos dan teknik terbaik digunapakai supaya pemaju dan kontraktor dapat membuat persiapan awal. Pendedahan juga perlu diberikan kepada pemaju dan kontraktor mengenai penggunaan garis panduan ini.

Y.Bhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

8. Saya mengalu-alukan pelbagai pihak swasta untuk bekerjasama dengan COPS dalam mencari penyelesaian kepada pembinaan tanah gambut. Pada hari ini juga satu perjanjian persefahaman akan diadakan di antara COPS dan sebuah syarikat perunding tempatan Geocrete Specialist Sdn Bhd yang bersedia membantu COPS membuat penyelidikan dan pembangunan berkaitan tanah gambut. Tahniah saya ucapkan kepada Geocrete Specialist Sdn

Bhd yang menjadi organisasi pertama menandatangani perjanjian persefahaman dengan COPS.

9. Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pasukan penyelidikan projek ini dan rakan kerjasama COPS yang akan sama-sama menyumbang kepakaran teknikal kepada penyelidikan tanah gambut. Saya menyeru agensi tempatan, kontraktor, pemaju, perunding untuk merujuk kepada COPS dan bekerjasama dalam pelbagai aspek berkaitan. InsyaALLAH kita akan dapat bersama-sama melihat kemajuan pembinaan hasil kajian ini nanti yang akan dibangunkan di jalan-jalan di Sarawak dan juga melihat fasiliti Makmal COPS yang berada di UNIMAS.

Sekian,      Wabillahitaufik      Walhidayah      Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.